

**Teks Ucapan Alu-aluan**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena WACANA BELIA DAN TATANEGARA, "ASPIRASI  
NEGARA" TN50**

**17 MEI 2017 | 8.00 MALAM**  
**DEWAN SERBAGUNA PUSAT MINDA LESTARI, UMS**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

## **Salutasi**

Yang Berhormat Datuk Mohamad Haji Alamin  
Pengerusi Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah  
merangkap ADUN Bongawan

Yang Berbahagia Dato' Armizan Mohd Ali  
Pengarah Biro Tatanegara (BTN) Negeri Sabah,  
Jabatan Perdana Menteri

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Ismail Ali  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni)

Seterusnya para pelajar UMS yang saya kasihi  
sekalian.

Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapatlah kita bersua sempena **Program Wacana Belia dan Tatanegara "Aspirasi TN50"** anjuran bersama Biro Tatanegara Negeri Sabah, Kementerian Belia dan Sukan dan Universiti Malaysia Sabah pada malam ini. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih atas kesudian Yang Berhormat Datuk Mohamad Hj. Alamin, Pengerusi Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah merangkap ADUN Bongawan dan Yang Berbahagia Dato' Armizan Mohd Ali,

Pengarah Biro Tatanegara Negeri Sabah kerana meluangkan masa untuk hadir ke Universiti Malaysia Sabah. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan ahli jawatankuasa pelaksana yang berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan program kita pada malam ini berjalan dengan lancar.

**Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,**

Transformasi Nasional 2050 atau singkatannya TN50 merupakan satu inspirasi kerajaan dalam membangunkan negara. TN50 juga merupakan satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020-2050. Pada dasarnya, TN50 ingin menjadikan negara di kedudukan 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi. Pelaksanaannya dibentuk berasaskan aspirasi rakyat yang berpandukan sasaran yang jelas. Generasi kini perlu bersedia dalam menghadapi perubahan arus menuju era pembangunan negara.

Kita perlu membuka minda dan bersama-sama dalam usaha untuk mencapai TN50 dalam tempoh 30 tahun demi masa depan negara Malaysia yang kita cintai. Negara ini amat memerlukan penglibatan mahasiswa, baik dari segi berkongsi pendapat, menyatakan aspirasi untuk Malaysia pada tahun 2050 dan melibatkan diri dalam aktiviti yang selari dengan usaha TN50.

Kerajaan mengharapkan generasi yang lahir pada hari ini merupakan generasi yang bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

Generasi inilah yang akan bersama-sama melaksanakan usaha-usaha kerajaan dalam membentuk masa depan negara menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

Akhir kata, saya mengharapkan sesi **Wacana Belia dan Tatanegara "Aspirasi TN50"** pada malam ini akan mampu membimbing kita untuk meletakkan sasaran (*setting target*) dan matlamat dalam mencapai dan merealisasikan TN50.



Aktifkan minda dan akal fikir sebagai pelajar universiti kerana andalah yang akan menggerakkan harapan dan cita-cita pemimpin masa kini untuk melihat kegemilangan negara kita yang dicintai ini gemerlap di persada dunia pada masa depan.

Sekian dan terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.